

MANUAL PROSEDUR PENGURUSAN TAULIAH SEMBELIHAN NEGERI SEMBILAN

1. LATAR BELAKANG

- 1.1 Pelaksanaan tauliah sembelihan adalah bagi memastikan bahawa individu yang melaksanakan sembelihan mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi serta mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa agama negeri iaitu Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan JHEAINS. Garis panduan ini bertujuan untuk memastikan prosedur sembelihan dijalankan dengan betul dan mengikut ketetapan syarak.
- 1.2 Pelaksanaan tauliah sembelihan dapat membantu menjaga standard dan kualiti sembelihan, mengelakkan sebarang bentuk penyelewengan atau kesalahan yang boleh merosakkan status halal daging. Ini juga penting untuk memastikan kesejahteraan haiwan semasa proses sembelihan.
- 1.3 Dengan adanya tauliah sembelihan ini, maka pihak JHEAINS boleh menjadikannya sebagai satu parameter pemantauan dan penguatkuasaan dalam memastikan prosedur dan kaedah sembelihan yang telah ditetapkan dipatuhi oleh pemegang tauliah.
- 1.4 Penganugerahan Kad Tauliah Sembelih hanya dikeluarkan untuk individu yang terlibat dengan industri. Manakala sijil penyertaan diberikan kepada semua peserta yang menyertai Kursus Sembelihan yang dianjurkan oleh JHEAINS..

2. OBJEKTIF

- 2.1 Memastikan pemegang tauliah melaksanakan sembelihan mengikut hukum hakam syarak.

- 2.2 Memastikan kualiti dan keselamatan makanan yang bersumberkan daging melalui kaedah sembelihan yang selamat berdasarkan kepada standard kualiti yang ditetapkan.
- 2.3 Mengawal dan memantau aktiviti rumah sembelihan melalui prosedur dan garis panduan yang berkaitan dengan sembelihan.

3. TUJUAN MANUAL

Manual prosedur ini hendaklah digunakan dalam proses pengeluaran tauliah penyembelih di Negeri Sembilan Darul Khusus dan urusan-urusan yang berkaitan dengannya. Tauliah penyembelihan ini hanya diberikan kepada pengamal yang melaksanakan sembelihan untuk tujuan industri halal atau skim rumah sembelihan yang mendapat Pensijilan Halal Malaysia atau yang sedang mendapatkan Pensijilan Halal Malaysia SPHM.

4. RUJUKAN UNDANG-UNDANG/ PERATURAN

- a) Prosedur Pengurusan Tauliah Penyembelih Jabatan Agama Islam Negeri Seluruh Malaysia;
- b) Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia;
- c) Malaysian Standard 1500 : 2009 (semakan ke dua);
- d) Garis Panduan Pusat Penyembelih Ayam, Itik Dan Lain-Lain Unggas Di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan;
- e) Garis Panduan Penyembelihan Ternakan Korban;
- f) Manual Rumah Penyembelihan Tempatan Untuk Abatoir Ruminan;
- g) Peraturan makanan 1985
- h) Akta Haiwan 1953
- i) Code of Veterinary Practice Malaysia For Ruminat Abatoir
- j) Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011
- k) Akta Perihal Dagangan 2011

5. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Permohonan yang dikemukakan hendaklah memenuhi syarat berikut :-

5.1 Penyembelih:

- a) Beragama Islam;
- b) sihat akal dan tubuh badan;
- c) warganegara Malaysia atau pemastautin (PR);
- d) bekerja tetap di pusat / rumah sembelihan;
- e) telah memenuhi keperluan berikut :
 - i. Lulus ujian bertulis;
 - ii. lulus ujian lisan / temu duga; dan
 - iii. lulus Ujian Amali.
- f) mempunyai suntikan anti-thypoid yang masih sah; dan
- g) berumur 18 tahun dan ke atas.

5.2 Premis:

- a) Berdaftar atau berlesen atau berada di bawah agensi pembimbing;
- b) mempunyai sistem amalan pengilangan yang baik (GMP);
- c) mempunyai sistem amalan pekerjaan yang baik (GHP);
- d) memenuhi syarat-syarat Pensijilan Halal Rumah Sembelih seperti terkandung di dalam MPPHM dan Malaysian Standard 1500 ;2009 (Semakan ke-2):
- e) hendaklah mempunyai bilangan penyembelih, penyelia dan pemeriksa halal yang mencukupi dan munasabah selaras dengan jumlah sembelihan harian;
- f) penyembelih, penyelia dan pemeriksa halal hendaklah memohon tauliah;
- g) rumah sembelihan hanya menjalankan sembelihan halal sahaja dan semua rangkaian proses dan pengendalian dari sembelihan hingga ke pengangkutan hendaklah mematuhi hukum syarak; dan
- h) sembelihan kurang dari 1000 ekor sehari.

5.3 Lain-lain Keperluan

- a) Premis sembelihan yang menyembelih lebih dari 1,000 ekor sehari hendaklah memohon SPHM secara serentak dengan tauliah penyembelih dan hendaklah lulus kedua-duanya sekali; dan
- b) Bagi premis yang menggunakan kaedah stunning hendaklah juga memohon SPHM dan memenuhi segala peraturan yang telah ditetapkan di dalam MPM dan Malaysian Standard.

6. KAEDAH PERMOHONAN

6.1 PERMOHONAN BAHARU

6.1.1 Permohonan bagi individu yang sedang bekerja di industri/rumah sembelihan:

- a) Permohonan hendaklah dibuat melalui majikan dengan mengisi borang permohonan yang lengkap. Hanya permohonan yang lengkap sahaja akan diproses.
- b) Pemohon hendaklah mengemukakan borang dan dokumen yang lengkap serta bayaran di Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan.
- c) Permohonan tidak lengkap tidak akan diproses.
- d) Dokumen berikut hendaklah dilampirkan semasa permohonan dibuat:
 - I. Salinan kad pengenalan;
 - II. 2 keping gambar ukuran lesen memandu;
 - III. surat lantikan pekerja daripada majikan;
 - IV. salinan kad suntikan anti-thypoid yang masih dalam tempoh sah;
 - V. salinan lesen pendaftaran syarikat (SSM); dan
 - VI. salinan lesen perniagaan daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) / Pejabat Perkhidmatan Veterinar Negeri (JPV), atau surat sokongan daripada pihak berautoriti sekiranya lokasi premis berada di luar dari mana-mana kawasan PBT.

- 6.1.2 Permohonan bagi individu untuk tujuan aktiviti sembelihan di peringkat komuniti atau sempena ibadah korban:
- a) Pemohon hendaklah mengemukakan borang permohonan yang lengkap berserta dokumen sokongan seperti berikut :
 - i. Salinan kad pengenalan;
 - ii. 2 keping gambar ukuran lesen memandu;
 - iii. salinan suntikan anti-thypoid yang masih dalam tempoh sah; dan
 - iv. salinan sijil kursus (jika ada)
 - b) Bagi permohonan individu seperti yang dinyatakan pada para 7.1.2 hanya surat perakuan lulus sahaja yang akan dikeluarkan dan ia bukanlah 'kad tauliah' dan tempoh sah laku surat tersebut adalah berdasarkan kepada tujuan permohonan dikemukakan oleh pemohon. Bagi tujuan ibadah korban yang dilaksanakan di masjid/surau di seluruh Negeri Sembilan, pemohon hendaklah mengemukakan permohonan melalui pihak Jawatankuasa Masjid atau Surau berkaitan.
 - c) Surat perakuan lulus ini hanya dikeluarkan sekali sahaja untuk tujuan sesuatu program dan ia tidak boleh diperbaharui atau tidak boleh digunakan untuk tujuan yang sama pada masa dan tempat yang berbeza.

6.2 PERMOHONAN PEMBAHARUAN

- 6.2.1 Permohonan pembaharuan hendaklah dikemukakan sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum tauliah tamat.
- 6.2.2 Permohonan pembaharuan yang dikemukakan setelah 6 bulan dari tarikh tamat tidak akan diproses. Pemegang tauliah hendaklah membuat permohonan baru dan perlu mengikuti semula proses pentauliahan seperti biasa (hadir kursus serta menduduki ujian dan temu duga).

6.2.3 Bagi yang telah bertukar majikan hendaklah mengemukakan permohonan pembaharuan melalui majikan yang baru.

6.2.4 Dokumen sokongan yang perlu dikemukakan bersama seperti berikut:

- a. Salinan kad pengenalan;
- b. kad dan sijil tauliah terdahulu;
- c. surat lantikan dari majikan terkini;
- d. salinan sijil suntikan anti-thypoid;
- e. 2 keping gambar ukuran lesen memandu; dan
- f. Salinan sijil Kursus Sembelihan anjuran JHEAINS atau agensi yang diiktiraf.

7. FI TAULIAH

- a) **RM150.00** bagi satu permohonan baharu dan **RM100.00** bagi permohonan pembaharuan;
- b) bayaran hendaklah dikemukakan semasa penyerahan dokumen permohonan yang telah lengkap;
- c) resit rasmi hendaklah dikeluarkan dan diserahkan kepada pemohon selepas pembayaran dibuat; dan
- d) bayaran tidak akan dikembalikan seandainya permohonan gagal atau ditolak.

8. PENTAULIAHAN

8.1 PROSES TAULIAH

- a) Pemohon akan dihubungi oleh urus setia untuk memaklumkan tarikh ujian bertulis dan temu duga;
- b) Temu duga akan dijalankan di hadapan panel yang dilantik terdiri daripada sekurang-kurangnya **DUA** orang daripada kakitangan Bahagian Gred 29 dan ke atas.
- c) Temu duga akan dilaksanakan selepas selesai kursus teori selama tiga jam yang meliputi ilmu fardu ain dan sembelihan pada hari yang sama.

- d) Pemohon hendaklah hadir pada tarikh dan waktu yang telah ditetapkan.
- e) Permohonan dikira sebagai gagal sekiranya pemohon gagal untuk hadir tanpa sebab yang munasabah dan bayaran tidak akan dikembalikan. Permohonan baru hendaklah dikemukakan semula kepada pihak urus setia dan dikenakan bayaran seperti terdahulu.
- f) Bagi **permohonan baru**, tauliah hanya akan dikeluarkan setelah pemohon memenuhi perkara berikut :
 - i. Hadir kursus teori;
 - ii. lulus ujian bertulis;
 - iii. lulus ujian temu duga; dan
 - iv. premis memenuhi kehendak di dalam **perkara 6.2** sekiranya penyembelihan di industri/rumah sembelihan
- g) Bagi permohonan pembaharuan, pemohon hanya perlu mengisi borang permohonan tauliah sembelihan dan membuat bayaran fi yang telah ditetapkan dalam tempoh paling lewat tiga bulan sebelum tauliah sembelihan tamat.

8.2 TEMPOH PENTAULIAHAN

- a) Tempoh pentauliahan adalah selama 2 tahun.
- b) Bagi penggantian kad hilang atau rosak, tarikh akan mengikut pada tarikh kad dan sijil tauliah semasa yang telah dikeluarkan terdahulu termasuk juga bagi pemohon yang mengemukakan permohonan pembaharuan melewati dari tarikh sah laku tauliah.

9. TANGGUNGJAWAB DAN ETIKA

9.1 ETIKA PENYEMBELIH

- a) Mematuhi rukun dan syarat sah sembelihan.
- b) Tidak mengabaikan tuntutan agama Islam seperti solat dan sebagainya.
- c) Hendaklah memakai pakaian yang bersesuaian dan menutup aurat.
- d) Menjaga kebersihan diri dan tempat bertugas.
- e) Tidak bersubahat di dalam perkara-perkara yang menyalahi syarak.

- f) Memaklumkan kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan sekiranya mendapati majikan melakukan perkara yang melanggar mana-mana prosedur atau hukum Syarak.
- g) Memastikan hanya sembelihan yang halal sahaja dijual kepada pelanggan manakala sembelihan yang tidak halal dimusnahkan dengan cara bersesuaian.

9.2 TANGGUNGJAWAB MAJIKAN

- a) Memastikan hanya penyelia, penyembelih dan pemeriksa halal bertauliah sahaja yang bertugas atau menguruskan hal ehwal berkaitan sembelihan pada setiap masa proses.
- b) Mengawal selia proses penyembelihan yang dijalankan.
- c) Memastikan setiap pekerja mematuhi syarat dan peraturan yang berkaitan.
- d) Memaklumkan sebarang perubahan, penambahan, pengurangan atau pertukaran pekerja yang bertauliah.
- e) Mewujudkan mekanisme kawalan pengurusan dan penyeliaan ke atas premis dan pekerja.
- f) Mematuhi semua syarat dan peraturan tauliah penyembelih.
- g) Memastikan keadaan premis bersih dan terkawal dari sebarang najis dan makhluk perosak atau binatang peliharaan atau binatang liar.
- h) Kad dan tauliah penyembelih yang asli hendaklah diserahkan kepada penyembelih.

10. PENGGUNAAN TAULIAH

- 10.1 Tauliah tidak boleh diniaga, ditukar milik atau dipinda isi kandungannya.
- 10.2 Tidak boleh dipamerkan dalam apa jua bentuk di mana-mana premis.
- 10.3 Pemegang tauliah pada setiap masa tertakluk kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- 10.4 Pemegang tauliah hendaklah dipertanggungjawab di atas penyalahgunaan tauliah miliknya.
- 10.5 Kad dan sijil tauliah yang asli hendaklah dalam simpanan penama dan bukannya disimpan oleh majikan.

- 10.6** Mana-mana cubaan meminda maklumat di dalam kad atau sijil tauliah adalah diklasifikasikan sebagai pemalsuan dokumen rasmi kerajaan.

11 PERTUKARAN KAD ATAU SIJIL TAULIAH DAN PEMBATALAN TAULIAH

11.1 HILANG ATAU ROSAK

- a) Sebarang kehilangan atau kerosakan kad atau sijil tauliah hendaklah dilaporkan secara bertulis kepada pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (UP: Bahagian Pengurusan Halal).
- b) Salinan laporan hendaklah dilampirkan bersama borang permohonan penggantian kad tauliah sebelum kad tauliah yang baru dikeluarkan. Kad tauliah yang telah rosak hendaklah dikemukakan sekali bagi urusan penggantian kad yang rosak.
- c) Bayaran RM50 dikenakan ke atas penggantian kad tauliah yang rosak atau hilang.

11.2 PEMBATALAN/PENAMATAN TAULIAH

- a) Tauliah akan terbatal sekiranya pemegang tauliah berhenti kerja atau bertukar tempat kerja. Majikan atau pemegang tauliah hendaklah menyerahkan semula kad dan sijil tauliah kepada Bahagian Pengurusan Halal JHEAINS.
- b) Tauliah akan ditamatkan sekiranya pemegang tauliah atau pihak majikan didapati tidak mematuhi hukum syarak atau melakukan perbuatan yang melanggar syarak atau mana-mana manual/prosedur/peraturan yang berkaitan sembelihan halal yang dikuatkuasakan.

12. PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN

12.1 PEMANTAUAN BERKALA

- a) Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan berkuasa menjalankan pemantauan ke atas premis dan pemegang tauliah penyembelih pada bila-bila masa tanpa atau dengan pemakluman.
- b) Pihak premis hendaklah membenarkan pemeriksaan dilakukan oleh pegawai pemeriksa daripada JHEAINS dengan disaksikan oleh wakil syarikat / premis berkaitan.

- c) Kad dan sijil tauliah yang asal hendaklah dikemukakan semasa pemeriksaan dijalankan.
- d) Kad dan sijil tauliah boleh digantung sekiranya pihak premis atau pemegang tauliah enggan atau tidak memberikan kerjasama kepada pihak berautoriti.

12.2 PENGGANTUNGAN TAULIAH

Penggantungan tauliah boleh dikenakan serta merta tanpa sebarang notis sekiranya didapati :

- a) Sembelihan, penyeliaan atau pemeriksa halal dijalankan oleh pekerja yang tidak mempunyai tauliah.
- b) Penyembelih atau penyelia atau pemeriksa halal bertauliah tidak berada di tempat sepatutnya sepanjang proses sembelihan dijalankan.
- c) Didapati atau ditemui salinan tauliah dipamerkan atau digunakan di mana-mana premis.
- d) Melanggar etika sebagai penyembelih seperti di para 10.1 atau 11 atau mana-mana peraturan yang berkaitan.
- e) Premis atau majikan melanggar perkara di para 6.2 atau 9
- f) Berlaku pelanggaran prosedur atau hukum syarak.

Tauliah yang digantung akan dibawa ke Jawatankuasa Panel Pengasahan Halal Malaysia Negeri Sembilan untuk keputusan penamatan atau penyerahan semula tauliah.

13. PENUTUP

Dengan ini Manual Prosedur Pengurusan Tauliah Sembelihan Negeri Sembilan merupakan satu-satunya panduan dan rujukan pengurusan tauliah sembelihan dalam industri sembelihan di Negeri Sembilan. Ketetapan ini bagi memastikan satu bentuk tadbir urus atau tatakelola yang lebih berintegriti dan seragam dalam kaedah pemberian tauliah sembelihan kepada individu yang benar-benar layak dan bertanggungjawab ke atasnya.

Disediakan oleh:
Bahagian Pengurusan Halal
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan.

